

TEKS UCAPAN YBHG. DATO' YANG DIPERTUA

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT

13 JULAI 2015 (ISNIN), JAM 8:45 PAGI

.....

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam
Sejahtera,

Pertamanya, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapatlah
kita berkumpul pada hari ini dalam Perhimpunan Korporat yang kedua untuk
tahun 2015.

Sebelum meneruskan lagi perhimpunan kita pada hari ini, saya ingin memperkenalkan Ahli Majlis yang baru menyertai MPSP iaitu Encik Mustafa Kamal bin Ahmad yang menggantikan tempat Allahyarhamah Puan Shafiqah Shobha binti Abdullah. Saya berharap Encik Mustafa Kamal bin Ahmad bersama MPSP untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada stakeholders.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Baru sebentar tadi kita telah membuat ikrar kualiti dan ikrar kakitangan.

Dalam ikrar tersebut, kita telah menyatakan bahawa kita:

- Menyedari tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara;
- Menjunjung cita-cita Rukun Negara;
- Berpegang teguh dengan teras perkhidmatan cemerlang; dan
- Mengamalkan sifat-sifat 'Ketelusan Pimpinan Melalui Teladan'

Kita juga berikrar untuk bekerja dengan penuh komited kepada pengeluaran output dan outcome yang berkualiti tinggi yang memenuhi kepuasan hati pelanggan dan standard profesionalisme yang ditetapkan; dan

Kita juga telah menyatakan keazaman untuk ;

Sentiasa Berusaha bagi memajukan perkhidmatan MPSP;

Menjalankan tugas dengan cekap; akauntabiliti dan telus disamping menjunjung tinggi sifat amanah, berdisiplin dan berbudi bahasa;

Sentiasa memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi; dan

Berusaha menjaga serta meningkatkan imej MPSP

Saya berharap kita bukan hanya sekadar membaca ikrar tetapi melaksanakan apa yang telah kita lafazkan sebentar tadi.

Setiap kakitangan Majlis perlu tahu bidang tugas masing-masing dalam jabatan dan bidang kuasa masing-masing. Baru-baru ini isu kebersihan telah diutarakan dalam surat khabar Pegawai atau kakitangan MPSP perlu faham dan ada maklumat tentang bidang tugas Majlis dalam pembersihan jalan, longkang dan pemotongan rumput. Contohnya Jalan Persekutuan, semua kerja pemotongan rumput, cuci longkang dan pembersihan jalan adalah dibawah JKR Pusat melalui kontraktor Belati Wangsa Sdn Bhd. Jalan tersebut adalah seperti berikut:

Dari pintu masuk Permatang Keling, di SPS sehingga Jambatan Merdeka di SPU termasuk Jalan Baru, dari bulatan Bukit Tengah hingga Pacific, Megamall dan Jalan Permatang Pauh, dari bulatan Bukit Tengah ke pekan Permatang Pauh - Mak Mandin –Telaga Air

Selain itu adalah jalan negeri dan bandaran.

Penyelenggaraan untuk Jalan Negeri seperti kerja-kerja pemotongan rumput, pembersihan jalan dan pembersihan longkang konkrit adalah dibawah bidang tugas MPSP. Walaubagaimanapun, kerja pembersihan longkang tanah adalah dibawah bidang kuasa JKR Negeri. Sebagai makluman, jalan kampung, ladang dan kawasan pertanian adalah di luar bidang tugas MPSP. Kerja-kerja penyelenggaraan di taman perumahan adalah dibawah bidang tugas MPSP. Manakala untuk kawasan dalaman rumah pangsa, bidang tugas Majlis adalah untuk kutipan sampah. Tugas JMB/MC adalah menyediakan tong sampah, pembersihan di kawasan pembangunan dan kawasan persekitaran tong sampah/depo sampah termasuk pemotongan rumput.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Ingin saya ingatkan di sini bahawa tempat letak kereta orang awam di Bangunan Ibu Pejabat MPSP, tidak dibenarkan untuk kakitangan meletakkan kenderaan di tempat awam. Kakitangan Majlis hendaklah meletak kenderaan di tempat letak kereta kakitangan. Bagi kakitangan yang tidak mempunyai pelekat kenderaan juga tidak dibenarkan meletak kenderaan di kawasan tersebut. Jika didapati kakitangan engkar arahan ini, bagi yang mempunyai pelekat kenderaan percuma, pelekat kenderaan percuma mereka akan ditarik balik. Tindakan *clamping* akan dilaksanakan ke atas

kenderaan kakitangan yang meletakkan kenderaan di tempat letak kereta orang awam. Kita perlu memberi kemudahan kepada pelanggan untuk mereka berurusan dengan Majlis.

Kawasan pejabat MPSP adalah kawasan larangan merokok. Kakitangan adalah dilarang untuk merokok di Bangunan Ibu Pejabat MPSP dan di pejabat-pejabat cawangan. Saya mohon kerjasama semua kakitangan agar tidak merokok di kawasan pejabat MPSP. Dari pemerhatian saya, kawasan merokok kakitangan lelaki adalah di sekitar tangga belakang setiap jabatan. Sikap merokok dan membuang puntung rokok di merata-rata seperti di tangga, longkang, pasu bunga dan sebagainya mengakibatkan kawasan kita tidak bersih dan kotor. Jika didapati ada kakitangan yang merokok di kawasan pejabat, tindakan akan diambil terhadap mereka.

Untuk makluman Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

1. ICLEI World Congress 2015 telah di hadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, Encik Shahrulnizad Bin Abdul Razak, Pengarah Perbendaharaan, Puan Norhayati Binti Sulaiman, Timbalan Khidmat Pengurusan, Puan Siti Nurhayati Binti Abdul Rahman, Penolong Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa dan En Mohamad Nasir Bin Abdul Salam, Pembantu Tadbir Kanan Jabatan Korporat dan Perhubungan

Antarabangsa. Tujuan menghadiri kongres ini ialah bagi menghadiri *Conference* oleh ICLEA. Mesyuarat ICLEI Southeast Asia Regional Executive Committee (REXCOM) & Global Executive Committee (GEXCOM) dan Majlis telah menandatangani *Memorandum Of Understanding (MOU) Friendship City On Environmental Policy And Technology Exchanges* di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan Seoul Metropolitan Government.

2. Semasa menghadiri *ICLEI World Congress* pada Jun 2015, MPSP berjaya menandatangani perjanjian bersama *Environmental Policy and Technology Exchanges*, dengan Seoul Metropolitan Government pada 9 April 2015 (Khamis). Perjanjian ini mengkhusus kepada membangunkan dasar alam sekitar dan mengukuhkan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak. Satu latihan atau bengkel akan dimulakan pada tahun 2016 yang akan dihadiri oleh pegawai MPSP ke Korea. Selain itu MPSP akan mendapat khidmat nasihat perunding dari luar negara bagi mendapatkan idea-idea atau cadangan baru untuk penambahbaikan terhadap perkhidmatan MPSP.

3. Cik Nadia Faradila Binti Jalawi Penolong Pengarah Kejuruteraan telah menghadiri Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI) Legislative Process and Governance Professional Fellows Program di bandar Washington D.C. pada 29 April hingga 9 Jun 2015. Program ini menambah

pengalaman dan memberi peluang kepada beliau untuk mendapatkan mendapatkan khidmat nasihat dan daripada profesional di USA. Dua lagi pegawai kita telah memohon untuk program YSEALI.

4. MPSP telah memohon peruntukan kewangan daripada *Japan International Cooperation Agency (JICA)* telah diluluskan pada 6 Julai 2015. Peruntukan ini ialah untuk menjalinkan hubungan kerjasama di dalam urban design di antara MPSP, pelajar-pelajar *Architecture* USM, City of Yokohama dan Yokohama City University bagi membangunkan kawasan Bukit Mertajam dari Disember 2015 hingga Disember 2018.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, BFF akan diadakan pada 15 dan 16 Ogos 2015. Manakala Car Free Morning@ Seberang Perai akan diadakan pada 2 Ogos 2015. Saya berharap sokongan dari semua staf untuk hadir dan menjayakan program tersebut.

Sebelum mengakhiri ucapan, rasanya belum terlambat lagi untuk saya mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua. Dalam bulan puasa ini, kita juga perlu berjimat dan jangan membazirkan makanan. Beli makanan secara cukup sahaja, jangan membazir. Dalam berita dimaklumkan bahawa sisa makanan di negara ini semasa bulan puasa mencecah 9000 tan secara puratanya setiap hari.

Sempena dengan Sambutan Hari Raya yang akan menjelang tidak lama lagi, saya berharap semua ketua jabatan perlu memastikan cuti kakitangan diatur dengan baik terutamanya minggu selepas sambutan Hari Raya. Setiap jabatan mesti menempatkan kakitangan yang bertugas di kaunter jabatan masing-masing dan juga perlu memastikan kaunter bayaran mempunyai petugas. Disamping itu, setiap jabatan juga perlu ada seorang Pegawai Kanan Gred 41 atau keatas untuk bertugas pada hari Isnin dan Selasa selepas Hari Raya. Ini adalah untuk memastikan perkhidmatan MPSP tidak terjejas walaupun sempena dengan Sambutan Hari Raya.

Semasa Raya, kakitangan juga perlulah menjaga pemakanan, agar tidak sakit atau MC selepas cuti Raya nanti.

Dengan itu, saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli Majlis dan staf MPSP dan bagi staf yang balik ke kampung, memandu dengan berhati-hati.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.